

**KEBERKESANAN UMPAN PANCING MENGIKUT PERBEZAAN MASA
TERHADAP BEBERAPA SPESIES IKAN KOMERSIL DI TASIK KENYIR**

HALIMI BIN ABU HANIP

**FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU**

1998

LP 10

1100024057

LP 11 FSGT 1 1998



1100024057

Keberkesanan umpan pancing mengikut perbezaan masa terhadap beberapa spesies ikan komersil di Tasik Kenyir / Halimi Abu Hanip.

PERPU

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100024057

1100024057		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP
11
FSGT
1
1998

**KEBERKESANAN UMPAN PANCING MENGIKUT PERBEZAAN MASA
TERHADAP BEBERAPA SPESIES IKAN KOMERSIL DI TASIK KENYIR**

Oleh

HALIMI BIN ABU HANIP

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Bachelor Sains Perikanan

**FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TERENGGANU**

1998

1100024057

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya akhirnya saya berjaya menyempurnakan projek tahun akhir ini dengan jayanya. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya di atas segala nasihat, semangat, kewangan dan dorongan yang telah diberikan sehingga saya berjaya menyiapkan projek tahun akhir ini.

Di samping itu, sekalung budi dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Sakri Ibrahim selaku penyelia projek dan tidak lupa juga kepada kakitangan Netloft iaitu En. Fadil dan En. Manaf yang terlibat secara langsung bagi menyempurnakan projek ini.

Selain itu, penghargaan turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu Julaihee dan Norman dan tidak lupa kepada rakan-rakan yang pernah membantu dalam menjayakan projek ini iaitu saudara Hafeez, Shahrir (Obe), Bunjamin, Farid dan juga buat yang teristimewa, Rohana Othman.

Wassalam

HALIMI ABU HANIP

Bac. Sc. Perikanan (Akua.)

39574

ABSTRAK

Kajian keberkesanan umpan pancing mengikut perbezaan masa terhadap beberapa spesies ikan komersil telah dijalankan di kawasan Sg. Kiang, Tasik Kenyir. Tiga spesies ikan sasaran yang dipilih untuk kajian ini ialah ikan Baung (*Mystus nemurus*), ikan Toman (*Channa mircopeltes*) dan ikan Sebarau (*Hampala macrolepidota*) yang dipancing dengan menggunakan kaedah, umpan dan masa memancing yang berbeza-beza.

Ikan Baung dipancing melalui kaedah memancing secara dasar pada waktu petang (4.00 hingga 7.00 petang) dan malam (9.00 hingga 12.00 tengah malam) dengan menggunakan umpan daging ikan Selayang, cengkerik dan perut ayam. Ikan Toman dipancing dengan menggunakan kaedah memancing secara menghanyut pada waktu pagi (8.00 hingga 11.00 pagi) dan petang (3.00 hingga 6.00 petang) dengan menggunakan umpan daging ayam, ikan Lampam Sungai dan ikan Keli hidup. Manakala ikan Sebarau dipancing secara mengilat pada waktu pagi (7.00 hingga 10.00 pagi) dan petang (4.00 hingga 7.00 petang) dengan menggunakan umpan tiruan jenis 'plug', 'popper' dan 'spoon'.

Berdasarkan kajian ini, umpan dan masa terbaik untuk memancing ikan sasaran telah dapat ditentukan. Umpan terbaik untuk memancing ikan Baung ialah perut ayam dan masa memancing terbaik ialah pada waktu malam iaitu antara pukul 9.00 hingga 10.00 malam. Umpan terbaik untuk memancing ikan Toman ialah daging ayam dan masa memancing terbaik ialah antara pukul 10.00 hingga 11.00 pagi dan 5.00 hingga 6.00 petang. Manakala umpan tiruan terbaik untuk memancing ikan Sebarau ialah 'spoon' dan masa memancing terbaik ialah antara pukul 7.00 hingga 8.00 pagi dan 6.00 hingga 7.00 petang.

ABSTRACT

The study of fishing baits effectiveness at different time to catch several commercial fishes was conducted at Kiang River, Lake Kenyir. Three target species that have been selected for this research were Baung (*Mystus nemurus*), Toman (*Channa micropeltes*) and Sebarau (*Hampala macrolepidota*) which were caught by using different angling methods, baits and time.

Baung was caught by using legering method in the evening (4.00 to 7.00 p.m) and night (9.00 p.m to 12.00 a.m) with fish flesh (Selayang), cricket and chicken intestine. Toman was caught by using drifting method in the morning (8.00 to 11.00 a.m) and evening (3.00 to 6.00 p.m) with chicken meat, live Lampam Sungai and Keli (catfish). Whereas, Sebarau was caught by using spinning method in the morning (7.00 to 10.00 a.m) and evening (4.00 to 7.00 p.m) with spoon, plug and popper (artificial lures).

The best bait and time to catch the target species have been determined in this study. The best bait to catch Baung was chicken intestine and the best angling time was between 9.00 to 10.00 p.m at night. The best bait to catch Toman was chicken meat and the best angling time were between 10.00 to 11.00 a.m in the morning and 5.00 to 6.00 p.m in the evening. Whereas, the best artificial lure to catch Sebarau was spoon and the best angling time were between 7.00 to 8.00 a.m in the morning and 6.00 to 7.00 p.m in the evening.